

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' TAKIYUDDIN
BIN HASSAN [KOTA BHARU]**

TARIKH : 26 MEI 2016 (KHAMIS)

SOALAN : 56

YB Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah bilangan projek PRIMA yang telah disiapkan di negeri Kelantan setakat ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat setakat ini secara keseluruhannya, Anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 4,010 unit rumah yang terdiri daripada 5 buah projek untuk dibina di negeri Kelantan. Antara lokasi – lokasi yang telah dikenal pasti termasuklah di sekitar kawasan Ketereh, Pasir Puteh, Pasir Mas, Kuala Krai dan Rantau Panjang. Kesemua projek-projek tersebut sedang berada dalam pelbagai fasa perancangan masing-masing seperti mana yang telah dijadualkan. Secara amnya, pembinaan kediaman jenis strata mengambil masa selama tiga tahun untuk disiapkan manakala kediaman jenis bertanah pula mengambil masa selama dua tahun.

Sekian. Terima kasih.